



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 20 OGOS 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **tujuh (7) kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah sebanyak **8,932 kes** (96.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 20 Ogos 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **lima (5) kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **9,240 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 183 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan bahawa kesemua lima (5) kes baharu yang dilaporkan adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan di luar negara** yang melibatkan dua (2) **warganegara Malaysia** dan tiga (3) **bukan warganegara**. Kes-kes tersebut adalah dari negara:

- i. Jepun (4 kes di Sarawak); dan
- ii. Bangladesh (1 kes di Selangor).

Tiada kes penularan di dalam negara yang dilaporkan pada hari ini.

Sehingga kini, terdapat tujuh (7) kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **empat (4) kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** penambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **125 kes** (1.35 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

KLUSTER ALAM

KKM ingin memaklumkan bahawa satu kluster baharu yang telah terpencil (*isolated*), yang telah dikenalpasti di sebuah kapal di Bintulu, Sarawak. Setakat ini, sebanyak empat (4) kes positif telah dikesan di atas kapal tersebut. Kluster ini dikesan susulan saringan COVID-19 yang telah dijalankan ke atas lima (5) orang kakitangan kapal tersebut yang mengalami gejala. Daripada jumlah tersebut, empat (4) orang didapati positif COVID-19 dan seorang masih menunggu keputusan pengesahan makmal.

Kesemua kes positif ini merupakan kes import yang mendapat jangkitan di luar negara yang melibatkan dua (2) warganegara Malaysia dan dua (2) bukan warganegara. Kapal di mana mereka bertugas ini mempunyai

sejarah perjalanan ke negara Jepun. Mereka sedang dirawat di Hospital Bintulu, Sarawak. Justeru, kluster ini tidak membawa risiko penularan jangkitan di dalam komuniti kerana ia merupakan kluster import yang terpencil (*isolated*) di sebuah kapal.

Aktiviti pengesanan kes secara aktif (*Active Case Detection*) dan saringan kontak rapat sedang dijalankan. Langkah pencegahan dan kawalan jangkitan seperti proses nyah kuman dan nyah cemar telah dijalankan di kapal tersebut.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihatkan orang ramai agar kekal waspada dan terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan;

- Amalkan etika batuk dan bersin;
- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

20 Ogos 2020 @ 5.00 petang.

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 20 OGOS 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	31
KEDAH	0	190
PULAU PINANG	0	136
PERAK	0	269
SELANGOR	1 (1)	2,151
NEGERI SEMBILAN	0	1,034
MELAKA	0	259
JOHOR	0	751
PAHANG	0	370
TERENGGANU	0	114
KELANTAN	0	160
SABAH	0	416
SARAWAK	4 (4)	686
W.P. KUALA LUMPUR	0	2,551
W.P. PUTRAJAYA	0	99
W.P. LABUAN	0	23
JUMLAH KESELURUHAN	5 (5)	9,240

*() adalah merujuk kepada kes-kes import